

12/02/1997

Rahman nafi bawa Umno ke Sarawak

Misiah Taib

KUCHING, Selasa - Bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Rahman Yaakub menafikan beliau terbabit dalam usaha membawa Umno ke Sarawak, walaupun beliau pernah menjadi ahli seumur hidup parti itu.

Namun katanya, rakyat Sarawak khususnya pemimpin di negeri ini tidak seharusnya bimbang jika Umno mahu mengembangkan sayapnya ke negeri ini pada suatu hari nanti.

"Ramai pemimpin Sarawak seperti Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkemampuan memimpin negeri ini, jika Umno datang ke Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediamannya, Petra Jaya di sini, hari ini.

Katanya, jika Umno sudah ada di Sabah, tidak ada sebabnya ia tidak boleh datang ke Sarawak.

Rahman berkata, gandingan kuasa antara Umno Sabah dan Sarawak akan dapat menarik lebih perhatian pada perhimpunan agung Umno.

"Anda bayangkanlah kekuatan kita. Dengan suara kita di perhimpunan berkenaan, kita mampu membuat perubahan besar di peringkat kebangsaan.

"Malah kedatangan Umno ke negeri ini akan membawa kebaikan kepada Sarawak. Jika kita menyertai Umno, suara kita akan didengar di peringkat tertinggi politik negara ini yang mana dasar negara diputuskan," katanya.

Bagaimanapun kata beliau, dakwaan yang mengatakan beliau terbabit dalam usaha untuk membawa Umno ke Sarawak seperti yang dilaporkan akhbar tempatan adalah tidak benar.

"Saya tidak pernah menulis kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mencadangkan Umno datang ke Sarawak seperti yang didakwa sesetengah pihak," katanya.

Menurutnya, beliau menjadi ahli seumur hidup Umno mulai 1964 dan memenangi jawatan Ahli Jawatankuasa Pusat Umno setelah mendapat undi terbanyak.

"Kemenangan saya pada waktu itu membuktikan orang Semenanjung tidak mendiskriminasi orang Sarawak ... asalkan kita menggunakan pendekatan betul dan bekerja dengan betul.

"Cadangan membawa Umno ke Sarawak juga bukan datang daripada saya, tetapi daripada Tunku Abdul Rahman. Pada 1962 beliau (Tunku) mencadangkan adalah lebih baik Umno diperluaskan ke Sarawak selepas pembentukan Malaysia dan cadangan itu dipersetujui pemimpin-pemimpin Sarawak pada waktu itu.

"Namun cadangan itu ditangguhkan kerana bangkangan pihak tertentu. Selepas itu, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) membuat resolusi meminta Umno datang ke Sarawak, tetapi ia ditolak beberapa pemimpin Umno kerana tidak mahu ia dijadikan isu oleh PAS," katanya.

Mengenai keahliannya dalam Umno, Rahman berkata, sejak parti itu dibubarkan berikutan tindakan mahkamah pada 1987, beliau tidak pernah memohon untuk menjadi ahli parti itu semula.

(END)